



SIARAN MEDIA

KPKT PEDULI LEBIH 230 RIBU RAKYAT TAWAU DENGAN PERUNTUKAN RM67.76 JUTA

TAWAU, 8 Oktober 2025 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) meneruskan siri jelajah **Sentuhan Kasih KPKT ke Tawau, Sabah** hari ini dengan meninjau empat (4) projek utama di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Lawatan ini merupakan sebahagian daripada usaha KPKT dalam merealisasikan agenda pembangunan yang inklusif dan mampan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Kerajaan MADANI telah meluluskan **RM156,026,440.00** melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) Rolling Plan 5 (RP5) untuk pelaksanaan projek-projek kesejahteraan rakyat di negeri Sabah. **Sejumlah RM67,762,100.00** pula telah disalurkan oleh KPKT demi menjayakan **62 buah projek di kawasan Tawau** yang akan memanfaatkan 230 ribu masyarakat tempatan.

Peruntukan yang diluluskan ini dilaksanakan sepanjang tahun 2025 dengan pengawasan enam (6) Agensi di bawah KPKT. Ia merangkumi pelbagai inisiatif kesejahteraan bandar seperti berikut :

1. RM42.9 juta (RM42,901,610.00)

Pembinaan **Tapak Pelupusan Sanitari di Bukit Gemok, Tawau** di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN). Projek ini mampu menampung sisa pepejal dari kawasan sekitar Tawau dan daerah-daerah berdekatan untuk tempoh jangka panjang antara 20 hingga 30 tahun. Selain itu, ia turut meningkatkan kesihatan awam dan kesejahteraan komuniti dengan mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, selamat dan lestari.

2. RM10.17 juta (RM10,165,780.00)

Pembangunan dan pengindahan landskap Bandar Tawau serta naik taraf landskap Taman Awam Pelita melalui Majlis Perbandaran Tawau dan Jabatan Landskap Negara (JLN). Peruntukan ini termasuklah peruntukan tambahan sebanyak RM 500 ribu (RM500,000) pada hari ini bagi kerja naik taraf Taman Awam Pelita Fasa Kedua. Projek ini dilihat mampu menyediakan ruang rekreasi awam yang mesra keluarga, inklusif dan selamat untuk semua lapisan masyarakat.

3. RM9.63 juta (RM9,625,200.00)

Pembinaan Balai dan Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Merotai, Tawau.

Di bawah Rolling Plan Ke-5 (RP5) Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak **RM1.38 juta (RM1,375,000.00)** telah diperuntukkan bagi fasa akhir pembinaan projek ini. Pembinaan balai dan kuarters ini bukan sahaja menjamin keselamatan awam dan harta benda tetapi meningkatkan motivasi serta kesejahteraan anggota bomba melalui penyediaan kuarters yang selesa dan berdekatan dengan tempat kerja.

4. RM4.2 juta (RM4,200,000.00)

Pelaksanaan 10 projek naik taraf melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) termasuk **pasar awam, tandas, perparitan, ruang kaki lima, bumbung serta struktur bangunan**. Antaranya kerja yang telah diluluskan adalah:

- i. Naik taraf Pasar Ikan Tawau, Pasar Awam Taman Semarak, Pasar Sin Onn dan Central Market Tawau;
- ii. Naik taraf parit dan kaki lima di laluan belakang Jalan Habib Sheikh;
- iii. Naik taraf sistem perparitan dan longkang di Taman Awam Muhibah dan Lorong Megah Jaya;
- iv. Naik taraf pejalan kaki berbumbung ke Hospital Jalan Tanjung Batu;
- v. Naik taraf tandas awam Taman Pelita; dan
- vi. Naik taraf Tugu Peringatan Tawau.

Dengan pelaksanaan projek-projek ini, ia dilihat mampu meningkatkan kualiti prasarana di peringkat tempatan dan meningkatkan imej Tawau sekaligus menyumbang kepada daya tarikan pelaburan dan pelancongan tempatan.

5. RM340 ribu (RM340,000.00)

Disalurkan kepada 17 penerima di bawah inisiatif **Program Baik Pulih Rumah di Bandar** yang diselaraskan oleh Bahagian Kesejahteraan Komuniti. Ia melibatkan golongan B40, warga emas, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) yang menetap di kawasan bandar. Program ini membantu membaik pulih kediaman yang daif kepada keadaan yang lebih selamat, selesa dan sesuai didiami, sekali gus memberi kelegaan kepada penerima serta meningkatkan kualiti hidup mereka dalam persekitaran bandar yang lebih terurus dan sejahtera.

6. RM530 ribu (RM529,510.00)

Program Penyenggaraan Perumahan untuk pelaksanaan dua (2) projek penurapan semula jalan dan kerja-kerja berkaitan di PPR Sri Apas dan di PPR Sri Titingan, Tawau. Kedua-dua projek di bawah Jabatan Perumahan Negara ini telah siap sepenuhnya dalam tempoh RMK-12.

Menerusi jelajah **Sentuhan Kasih KPKT ke Tawau**, YB KM dan pasukan KPKT turut mengadakan lawatan turun padang ke lokasi berikut :

1. Pasar Ikan Tawau;
2. Pasar Sentral Tawau;
3. Kampung Pukat, Tanjung Batu, Tawau; dan
4. Taman Awam Pelita

Siri lawatan YB KM dimulakan di **Pasar Ikan Tawau** melibatkan projek naik taraf dan baik pulih dengan kos **RM400,000.00**. Projek ini bermula pada 13 Ogos 2024 dan telah disiapkan pada 28 Februari 2025. Inisiatif ini memberi manfaat kepada peniaga dan pengunjung dengan menyediakan kemudahan yang lebih selesa, bersih dan selamat, serta memperkukuh daya tarikan ekonomi setempat.

Lawatan diteruskan ke **Pasar Sentral Tawau** bagi meninjau pelaksanaan kerja-kerja naik taraf dan baik pulih yang melibatkan kos sebanyak **RM500,000.00**. Skop kerja termasuk pembinaan *partition* 40 unit gerai, pemasangan *roller shutter*, pendawaian elektrik, pemasangan lampu LED dan kipas, mengecat bangunan serta pemasangan *awning*. Projek ini telah bermula pada 12 September 2025 dan dijangka siap pada **5 Disember 2025**.

YB KM turut melawat dua (2) buah kediaman di **Kampung Pukat, Tanjung Batu, Tawau** yang terlibat dalam **Projek Baik Pulih Rumah di Bandar** dengan sebanyak **RM40,000** (RM20,000 setiap rumah). Dalam lawatan ini, YB KM turut menyampaikan plak penghargaan kepada penerima sebagai simbolik penyerahan rumah yang telah siap dibaik pulih.

Selain itu, YB KM turut meninjau **Taman Awam Pelita** yang telah siap dinaik taraf sepenuhnya pada **10 September 2024** dengan kos **RM496,780.00**. Projek ini bertujuan memperindah kawasan rekreasi awam bagi meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Khususnya golongan keluarga, warga emas, kanak-kanak dan komuniti setempat yang memanfaatkan ruang riadah ini untuk aktiviti harian.

Menurut YB KM, "Kejayaan pelaksanaan projek-projek ini adalah hasil kerjasama strategik antara KPKT, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri Sabah. Sinergi yang erat ini memastikan setiap projek diselia dengan baik serta memberi manfaat optimum kepada rakyat."

Beliau turut menegaskan bahawa semua inisiatif ini selaras dengan **visi KPKT untuk memperkukuh kesejahteraan dan kemakmuran komuniti di seluruh negara**, termasuk di Sabah sebagai negeri penting dalam agenda pembangunan seimbang Malaysia.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

